

**MTEM, Petronas Bentuk Jawatankuasa Kerja Bersama Bernama**  
**14 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Petronas dan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) akan menubuhkan jawatankuasa kerja bersama bagi menyelesaikan semua isu membabitkan penyertaan Bumiputera dalam projek-projek perbadanan minyak negara itu.

Pengerusi MTEM Datuk Syed Ali Alattas berkata jawatankuasa bersama itu akan membentuk rangka kerja konkrit yang antara lain, berperanan sebagai panduan untuk penyertaan usahawan dalam projek-projek Petronas.

Cadangan penubuhan jawatankuasa bersama itu dipersetujui MTEM dan Petronas pada mesyuarat yang berlangsung semalam yang dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Sambil berterima kasih kepada Petronas yang memulakan mesyuarat itu, Syed Ali berkata mesyuarat dua jam itu positif dan berhasil,

"Kami (MTEM) akan mengutus surat kepada Petronas mengenai cadangan yang kami perersetujui. Mereka (Petronas) kelak akan membalas sama ada mereka menerima cadangan berkenaan. Kami menjangkakan Petronas akan memberikan jawapan sebelum 21 Feb," katanya pada sidang media Khamis.

Ketua Pegawai Eksekutif MTEM Mohd Nizam Mahshar yang mengetuai delegasi ke mesyuarat itu berkata majlis itu mengetengahkan beberapa isu yang dibangkitkan oleh syarikat Bumiputera, dan Petronas akan memberikan respons selepas mendengar masalah mereka dan menawarkan penyelesaian sama-sama menang ke atas sebahagiannya.

"Kami positif terhadap mesyuarat itu. Mesyuarat itu bukan hanya membabitkan firma Bumiputera tidak diberikan projek Petronas, malah meliputi isu lain seperti lesen, fabrikasi dan program pembangunan vendor.

"MTEM dan Petronas bersetuju projek perlu diberikan menerusi sistem merit. Kami maklumkan bahawa banyak firma tempatan sama-sama berpotensi, jika dilihat dari segi merit.

"Kami tidak berkata Petronas tidak memainkan peranan untuk usahawan Bumiputera. Kami hanya mencadangkan supaya ia menambahnya," kata Mohd Nizam.

Pertelingkahan antara MTEM dan Petronas bermula awal bulan ini selepas MTEM, yang mewakili 47 organisasi ekonomi Melayu, mendakwa kebanyakan projek utama Petronas diberikan kepada syarikat asing.

Sambil mendakwa syarikat tempatan yang mempunyai kelayakan yang sama tidak mendapat kontrak, MTEM turut meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak supaya campur tangan bagi memastikan kontrak Petronas diberikan secara adil.

-- BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=927945>